

KAJIAN SEJARAH DAN KEUNIKAN PADA BECA DI MELAKA

FAUZIAWATI BINTI A.MANAP
98112552

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA
sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda
Seni Reka Grafik.

- | | |
|-------------------------|--------------|
| 1. Diperiksa Oleh | Tarikh |
| 2. Diperiksa Oleh | Tarikh |
| 3. Diperiksa Oleh | Tarikh |

Dekan
Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Grafik
Universiti Teknologi Mara
40450 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinannya dapat juga saya menyiapkan tesis ini sebagaimana yang telah ditugaskan. Ucapan ribuan terima kasih saya tujukan kepada Puan. Azian Bte Mohd.Zain selaku Ketua Kursus Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Grafik, En Abd.Wahab Bin Muhammad, selaku pensyarah penasihat yang telah banyak memberi tunjuk ajar sepanjang saya menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada En.Rashidi Bin Hassan, selaku Penyelaras Tesis serta semua pensyarah Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Grafik UiTM kampus Melaka.

Setinggi-tinggi penghargaan ingin saya sampaikan buat para pengusaha, pemilik dan pengayuh beca iaitu En.Zainal Bin Nordin, En.Sahar (Kamaruddin) selaku Pengurus Persatuan Beca Pelancongan Negeri Melaka yang telah banyak memberi segala maklumat dan keterangan yang amat berguna untuk kajian ini. Juga tidak lupa ucapan terima kasih saya buat En.Mohd.Salleh Bin Abu selaku pembuat beca terkenal di Negeri Melaka yang telah banyak membantu dalam mendapatkan maklumat melalui sumber-sumber rujukan beliau.

Buat kedua ibu bapa dan teman-teman seperjuangan, ribuan terima kasih diatas bantuan, dorongan, galakan dan teguran yang membina sepanjang saya membuat kajian ini. Tidak lupa juga terima kasih saya kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak dalam menyiapkan kajian ini. Akhir kata, saya amat berharap agar penulisan saya ini akan dapat dimanfaatkan sebagai bahan ilmiah dan rujukan untuk generasi akan datang.

Sekian terima kasih.

SINOPSIS

Tujuan dan matlamat : Tujuan dan matlamat kajian ini adalah untuk menyingkap sejarah perkembangan keunikan yang terdapat pada beca di kawasan Melaka umumnya dan sekitar Banda Hilir Melaka khasnya yang merupakan salah satu daripada alat pengangkutan tradisi wujud sejak dulu lagi. Ianya akan lebih tertumpu dari aspek keistimewaan dan keunikan yang terdapat pada beca di kawasan kajian iaitu di sekitar Banda Hilir Melaka. Keunikan yang terdapat pada beca mempunyai identiti yang tersendiri sebagai salah satu daya tarikan para pelancong sama ada dari dalam dan luar negeri yang berkunjung ke bandaraya bersejarah ini. Konsep dan teknik penggunaannya akan dikupas secara terperinci sebagai satu keistimewaan kenderaan yang masih mengusai sebahagian besar Banda Hilir Melaka.

Kepentingan : Melalui kajian ini masyarakat luar akan dapat mengetahui dengan lebih lengkap dan terperinci mengenai keistimewaan dan keunikan, elemen-elemen seni yang terdapat pada beca di Melaka yang mempunyai keistimewaan dan kelainan yang tersendiri dan unik daripada kenderaan pengangkutan yang lain. Kajian ini juga diharap dapat dimanfaatkan sebagai bahan ilmiah untuk pelajar-pelajar juga dijadikan sebagai sumber maklumat tambahan. Selain itu ianya juga sebagai wahana dalam membantu Kerajaan Negeri Melaka dalam usaha meningkatkan taraf Persatuan Beca Pelancongan Melaka serta Persatuan Kebajikan Beca Negeri Melaka. Ianya juga diharapkan dapat dijadikan contoh bacaan serta rujukan sama ada di perpustakaan mahupun muzium memandangkan masih belum ada penulisan yang berkaitan dengan keunikan beca di Melaka sepertinya dibukukan. Dengan adanya kajian ini, ianya dapat mendalamai nilai-nilai estetik keunikan beca Melaka sebagai tinggalan sejarah yang menarik di negara ini. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk membuka minda masyarakat kini amnya dan generasi akan datang khususnya untuk mendekati ciri-ciri estetik dan dapat menilai kesenian dan kesempurnaan serta menghargai dan berbangga dengan warisan seni negara.

Kaedah dan Metodologi : Menjalankan kajian berdasarkan strategi-strategi untuk membuat analisa terhadap perkara-perkara tertentu. Hal ini bertujuan untuk penulis mendapatkan ketepatan sumber mengenai tajuk yang dipilih. Antara kaedah yang dijalankan iaitu melalui data prima dengan menemubual individu-individu tertentu seperti En.Zainal Hj.Nordin selaku ahli jawatankuasa Persatuan Kebajikan Penarik Beca Melaka, En. Sahar Kamaruddin selaku Pengurus Persatuan Beca Pelancongan, juga En.Mohd.Salleh Abu selaku pembuat dan pemilik beca terkenal dikalangan penarik beca di Melaka. Selain itu antara sumber lain iaitu dengan menyediakan soalan kaji selidik. Melalui data sekunder pula maklumat dan rujukan diperolehi melalui kaedah perpustakaan di beberapa perpustakaan Melaka dan Kuala Lumpur. Kaedah pengumpulan gambar, kaedah pengamatan dan penilaian yang dijalankan melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Persatuan Beca Pelancongan di Melaka.

Kesimpulan: Daripada kajian ini, kita dapat penggunaan beca sebagai salah satu alat pengangkutan telah wujud sejak dahulu lagi. Dan sehingga ke hari ini ianya masih digunakan namun fungsi penggunaanya berbeza. Berbagai-bagai bentuk hiasan dan keunikan yang terdapat pada beca untuk menampakkan kelainan pada sesebuah beca melalui elemen-elemen seni yang menjadi hiasan dalam melambangkan kombinasi kesenian dan kebudayaan Negeri Melaka. Kini penggunaan dan keunikan beca semakin diketepikan nilai seninya yang tinggi yang merupakan khazanah seni yang amat ternilai dan harus dipelihara supaya ia tidak akan pupus untuk generasi akan datang bersesuaian dengan ungakapan Negeri Melaka sebagai Bandaraya Bersejarah.

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Halaman pemeriksa	i
Penghargaan	ii
Sinopsis	iii
Isi Kandungan	iv
Senarai Ilustrasi	xi
Senarai Jadual	xvii
Senarai Rajah	xviii
Senarai Carta pai	xix
Senarai Graf	xx

BAB 1 - PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan Kajian	6
1.3 Kepentingan Kajian	8
1.4 Kaedah dan Metodologi	10
1.4.1 Data Prima	11
1.4.5 Sekunder	13
1.4.6 Kaedah Tertiari	13
1.4.7 Kaedah Pengamatan dan Penilaian	14
1.5 Penutup	14

BAB 2 – PENULISAN DAN PENYELIDIKAN YANG BERKAITAN

2.1 Sistem Pengangkutan dan Perhubungan Tradisional	16
2.2 Sejarah Pengangkutan Darat Pada Zaman Dahulu	21

2.3	Kenderaan Tradisi Di Malaysia	23
2.3.1	Lanca	24
2.3.7	Beca	26
2.3.8	Pedati	28
2.3.9	Kereta Lembu	29
2.3.10	Kereta Kerbau	31
2.3.11	Kereta Gajah atau Kereta Kuda	32
2.4	Sejarah Kereta Lembu dan Kewujudannya Di Melaka	34
2.4.2	Fungsi Kereta Lembu dan Kewujudannya Di Melaka	42
2.5	Peranan Kenderaan Darat Dahulu Dari Aspek Ekonomi	42
2.6	Peranan Kenderaan Darat Dari aspek Pembangunan	48
2.10	Pengenalan Beca Melaka	51
2.11	Definasi Beca	53
2.12	Sejarah Basikal	54
2.9.1	Basikal Pertama	55
2.9.14	Stering	55
2.9.15	Pemanduan Roda	57
2.9.16	Tayar	58
2.9.17	Pedal	59
2.9.18	Brek	60
2.9.19	Gear	61
2.9.20	Material yang digunakan	62
2.9.21	The Penny Farthing	62
2.9.22	Chain Drive	64